

CRK UNTUK GURU PULANG MENGUNDI

Wartawan Sinar Harian

23 April 2018

Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/crk-untuk-guru-pulang-mengundi-1.825702>



Mohd Razali mengiringi Zulkifli menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kepada guru besar.

KUANTAN - Guru-guru di daerah ini yang ingin pulang menunaikan tanggungjawab mengundi boleh memohon Cuti Rehat Khas (CRK) sehari sebelum hari pengundian 8 Mei depan.

Ketua Pegawai Pendidikan Kuantan, Mohd Razali Mustafar berkata, ia hanya membabitkan guru yang mengundi jauh atau pulang ke negeri asal.

Bagaimanapun, katanya, CRK tidak boleh diambil bagi guru yang mengundi di Kuantan, Pekan dan Maran.

"Kita cuba mengawal keadaan itu memandangkan pada 7 Mei , Pahang mempunyai cuti umum iaitu Hari Hol.

"Kita tidak mahu guru-guru mengambil cuti panjang dan tidak mengundi," katanya kepada media selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PPD Kuantan, di sini, semalam.

Mohd Razali berkata, guru yang memohon CRK untuk pulang mengundi boleh mengemukakan salinan sistem atas talian sebagai bukti lokasi pengundian mereka.

Dalam perkembangan berkaitan, katanya, sebanyak 59 daripada 129 sekolah di daerah ini terlibat sebagai pusat mengundi.

"Bagi sekolah terbabit, mereka diberi cuti gantian pada 13 Jun," katanya.

Pada majlis itu, 589 warga pendidik menerima anugerah perkhidmatan cemerlang di atas prestasi membanggakan sepanjang tahun lalu.

Hadir merasmikan majlis, Pegawai Kemajuan Negeri Pahang, Datuk Zulkifli Yaacob.